

## Sejarah Pengakap



# Pengakap Kanak-Kanak



**ROBERT BADEN-POWELL,**  
Pengasas Pergerakan Pengakap Dunia,  
Ketua Pengakap Dunia.

Potret Baden-Powell yang dipaparkan telah dihasilkan oleh David Jagger pada tahun 1929.

Ia dipamerkan kepada beliau pada 6 August 1929 di Jamboree Dunia Ke III di Arrowe Park, Birkenhead, England. Ia dikenali sebagai "Coming Of Age Jamboree" sebagai penghargaan hari ulangtahun ke 21 Pengakap Sedunia.

Ia merupakan potret yang paling disukai oleh Baden-Powell. Potret asli beliau dipamerkan di ruang pameran di Ibupejabat Pengakap Dunia (WOSM) di Geneva, Switzerland.

Sejarah Pengakap di Malaysia pergerakan Pengakap mula berkembang di Malaysia (Malaya) apabila F.C.Sands menubuhkan pasukan Pengakap Kanak-Kanak (cubs) di Singapura pada tahun 1910 ( Dua tahun setelah BP mengasaskan pergerakan ini di England).

Bergerak dari tarikh itu, pada tahun 1919 Pasukan Pengakap untuk budak-budak Melayu telah diasaskan oleh Kapten N.M. Hashim dan Encik A.Z.Alsagoff, juga di Singapura. Negeri Melayu yang pertama memulakan Pergerakan Pengakap ialah Pahang (Pekan) oleh G.M.Laidlow. Namun begitu, pergerakan ini terus terkubur setelah G.M.Laidlow meninggal.

Pada tahun 1927, pergerakan Pengakap dihidupkan semula oleh H.P.Hertslet, Frisby dan Wheeler dari Jabatan Pelajaran Pahang memajukan pergerakan ini. H.R. Cheesman (seorang ahli pendidikan yang terkenal) telah menubuhkan pergerakan Pengakap di Pulau Pinang iaitu di Penang Free School pada tahun 1915. Mendiang juga menjawat jawatan sebagai Penolong Pesuruhjaya Pengakap Malaya selama 13 tahun lamanya. Di Perak pula, pergerakan pengakap ditubuhkan di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1926 oleh I.R.Wheeler. Pada tahun 1922, pergerakan Pengakap bermula di Kedah. Manakala di Johor pula, pergerakan ini bermula pada tahun 1928 dengan kumpulan pertamanya di Maktab Sultan Abu.Bakar.

Melaka dan Negeri Sembilan memulakan pergerakan Pengakap pada tahun 1926 oleh Brunstone. Selangor menubuhkan pergerakan Pengakap pada tahun 1926 oleh Ameen Akbar. Terengganu dan Kelantan memulakan pergerakan ini pada tahun 1927. Pengasas di Terengganu ialah A.J.Gracle, dan di Kelantan pula ialah YM Tengku Ahmad Temenggong.

Perlis pula ialah pada tahun 1931. Sarawak menubuh pergerakan pengakap pada tahun 1913 dan Sabah pada tahun 1915. Setelah merdeka pada tahun 1957,

## Khas untuk SK Kolapis dan Perujuk

Persekutuan Budak-Budak Pengakap Tanah Melayu, menjadi ahli dalam Persidangan Pengakap Sedunia. Pada tahun 1963 (penubuhan Malaysia), Persekutuan Budak-Budak Pengakap Tanah Melayu ditukar kepada Persekutuan Pengakap Malaysia.

Ringkasan Tahun Negeri Yang menubuhkan pergerakan Pengakap 1910 Singapura F.C. Sands 1913 Sarawak (tidak aktif sehingga tahun 1930) . 1915 Sabah (tidak aktif sehingga tahun 1930) . 1915 Pulau Pinang H.R.Cheesman 1919 Singapura (pengakap Melayu) Kepten NM Hashim/En.AZ Alsagoff 1922 Kedah EC Hicks / EAG Stuart / RPS Walker 1926 Perak I.R. Wheeler 1926 Melaka & Negeri Sembilan Brunstone 1926 Selangor Ameen Akbar 1928 Johor 1927 Terengganu A.J. Gracle 1927 Kelantan YM Tengku Ahmad Temenggong 1931 Perlis [ senarai pilihan]

### Logo Pengakap



Lagu Pengakap

**Selamat Jumpa**

Selamat Jumpa, Selamat Jumpa,  
Selamat Jumpa Kawanku,  
Apa Khabar, Apa Khabar, Apa Khabar Kawanku,  
Senang Hey, Riang Hey,  
Hura, Hure, Hiro,  
Enak, Enak, Enak Hey, Enak, Enak, Enak Hey,  
Hura, Hure, Hiro.

Yepi, Yey, Yey, Yey,

Yepi, Yey, Yey, Yey,  
Yepi, Yey, Yey, Yey.  
Saya Pilih Pengakap Saja,  
Siang Jadi Kenangan,  
Malam Jadi Impian  
Cintaku Semakin Mendalam

**Di sini senang, di sana senang**

Di sini senang, di sana senang,  
Di mana-mana hatiku senang,  
Di sini senang, di sana senang,  
Di mana-mana hatiku senang,  
Saudara, saudari,  
La...la...la...la...la...la...la.....,  
Saudara, saudari,  
La...la...la...la...la...la.....

**Di sini kita berkumpul**

Di sini, di sini kita berkumpul,  
Di sini, di sini kita berkumpul,  
Salam, salam, salam, salam, salam, hoi..  
Here we're, here we're Here we're again,  
Here we're, here we're Here we're again,  
Hello, hello, hello, hello, hello, hoi..  
Cai ceni, cai ceni wama chai cehe ni,  
Cai ceni, cai ceni wama chai cehe ni,  
Auma, auma, auma, auma, auma, hoi..  
Engapo, engapo, engapo ring ghe  
Engapo, engapo, engapo ring ghe  
Manikam, manikam, manikam, manikam, manikam, hoi..  
Saya dari Malaysia suka hati,  
Saya dari Malaysia suka hati,  
Suka, suka, suka, suka, suka hati,  
Saya dari Kuala Lumpur suka hati,  
Saya dari Kuala Lumpur suka hati,

Khas untuk SK Kolapis dan Perujuk

Suka, suka, suka, suka, suka hati,

### **Kalau rasa gembira**

Kalau rasa gembira, tepuk tangan,  
Kalau rasa gembira, tepuk tangan,  
Kalau rasa gembira begini la caranya,  
Kalau rasa gembira, tepuk tangan.  
Kalau rasa gembira, petik jari,  
Kalau rasa gembira, petik jari,  
Kalau rasa gembira begini la caranya,  
Kalau rasa gembira, petik jari.  
Kalau rasa gembira, cubit peha,  
Kalau rasa gembira, cubit peha,  
Kalau rasa gembira begini la caranya,  
Kalau rasa gembira, cubit peha.  
Kalau rasa gembira, hentak kaki,  
Kalau rasa gembira, hentak kaki,  
Kalau rasa gembira begini la caranya,  
Kalau rasa gembira, hentak kaki.  
Kalau rasa gembira, kata horey,  
Kalau rasa gembira, kata horey,  
Kalau rasa gembira begini la caranya,  
Kalau rasa gembira, kata horey.

### **Tugas Penasihat**

Berikut adalah senarai tugas dan tanggungjawab yang perlu diketahui oleh seseorang guru penasihat\Jurulatih:-

- 1 Memastikan Mesyuarat Agung diadakan bagi tujuan melantik AJK baru.
- 2 Memastikan ada perlembagaan atau peraturan
- 3 Memastikan aktiviti\latihan yang dijalankan adalah selaras dengan objektif sekolah
- 4 Memastikan jawatankuasa menjalankan tugas seperti yang terkandung dalam perlembagaan atau peraturan
- 5 Merancang aktiviti tahunan dengan kerjasama pelajar
- 6 Memastikan aktiviti\latihan berjalan seperti yang dirancang
- 7 Memikirkan strategi untuk peningkatan kecemerlangan pelajar\pasukan
- 8 Memastikan kewangan persatuan\ kelab\unit diurus dengan baik dan beretika
- 9 Memastikan tidak ada kutipan kewangan tanpa melalui mesyuarat AJK dan tanpa kelulusan oleh pihak pentadbir
- 10 Memastikan minit mesyuarat dan laporan aktiviti disedia dan difailkan
- 11 membuat laporan lengkap atau surat rasmi mengenai sebarang kejadian yang perlukan tindakan\perhatian\semakan\penyiasatan pihak pentadbir
- 12 Memastikan bahawa pasukan yang guru anggotai sebagai penasihat \jurulatih adalah berdaftar dan diluluskan oleh pihak pentadbir

## Khas untuk SK Kolapis dan Perujuk

- 13 Mengurus penyertaan ahli sama ada di peringkat sekolah, daerah, bahagian atau yang lebih tinggi
- 14 Memohon kebenaran kepada ibu bapa\penjaga pelajar melalui pengurusan sekolah jika khidmat\kepakaran\kebolehan mana-mana pelajar diperlukan di luar sekolah
- 15 Bersedia untuk menjadi guru pengiring\jurulatih bagi sebarang penyertaan pelajar tanpa mengira peringkat pertandingan\pengelolaan\anjuran\projek\lawatan dan sebagainya
- 16 Memastikan aktiviti\latihan yang disertai di mana-mana peringkat adalah diakui oleh Kementerian Pelajaran Malaysia atau wakilnya
- 17 Bertanggungjawab merekodkan penglibatan dan pencapaian pelajar
- 18 Memastikan peserta yang dipimpin\diiring itu berada dalam keadaan harmoni
- 19 Memastikan ruang dan aktiviti\latihan adalah selamat untuk pelajar melakukan sebarang penyertaan atau penglibatan dalam apa juga situasi
- 20 Memberi kebenaran kepada ahli yang berkebolehan\menunjukkan bakat untuk menyertai aktiviti mana-mana unit\kelab\persatuan yang mana difikirkan atau dikehendaki ahli berkanaan untuk mewakili sekolah\daerah\bahagian dan peringkat yang lebih tinggi
- 21 Memastikan batas aktiviti\perkumpulan\penglibatan mengikut kesesuaian norma jantina pelajar dan kesesuaian berpakaian
- 22 Memastikan semua pelajar tidak terkecuali daripada melakukan aktiviti\latihan kecuali mengikut keadaan yang wajar
- 23 Menanda rekod kehadiran\buku rekod kehadiran ahli
- 24 Menghadiri mesyuarat\kursus\taklimat berkaitan dengan unit
- 25 Memastikan tidak ada unsur khianat\penganiayaan\deskriminasi terhadap ahli
- 26 Memastikan tidak ada unsur subersif tersebar di kalangan ahli
- 27 Mencadang dan memberikan penghargaan kepada ahli yang berketrampilan
- 28 Bekerjasama dengan pihak sekolah dalam menjayakan sesuatu program
- 29 Tertakluk kepada undang-undang dan peraturan perjawatan ketika melakukan tugasnya sebagai guru penasihat\pembimbing\jurulatih.
- 30 Bekerjasama dan menjalankan tugas-tugas yang diarah oleh Penolong Kanan Kokurikulum\Guru Besar

**PERGERAKAN PENGAKAP  
SEK.KEB.KOLAPIS,BELURAN  
NO.PENDAFTARAN: (1)18\2006\UB\PPSKK(BN)**

**PERATURAN-PERATURAN[PERLEMBAGAAN]PERSATUAN**

Pada mematuhi Subperaturan 5(1)(a) dalam persatuan-persatuan Pendidikan(Persatuan Sekolah) 1998.Akta Pendidikan 1996 seperti dalam warta kerajaan Malaysia Jilid 42,No.11 Tambahan No.41,Perundangan (A):P.U.(A) 196 bertarikh 21 Mei 1998,maka berikut ini dikemukakan peraturan-peraturan[perlembagaan]Pergerakan pengakap Sek.Keb.Kolapis,Beluran yang selepas ini disebut sebagai"persatuan"sahaja.

**PERATURAN 1 : NAMA DAN ALAMAT**

- 1.1 Nama Persatuan : Pergerakan Pengakap  
Sek.Keb.Kolapis,Beluran  
1.2 Alamat: Sek.Keb.Kolapis,Peti Surat 51,90107 Beluran

**PERATURAN 2 : MATLAMAT**

Memberikan peluang kepada setiap pelajar untuk mengembangkan potensi secara seimbang dan menyeluruh dalam aspek jasmani,emosi,rohani dan intelek.

**PERATURAB 3 : OBJEKTIF**

- 3.1 Supaya ahli dapat menganggotai Pasukan Pakaian Seragam(Pergerakan Pengakap)dengan lebih terpimpin dalam menimba ilmu Berpengakap dan memupuk semangat bertanggungjawab dan disiplin diri.  
3.2 Ahli-ahli pergerakan pengakap akan seberapa daya dan usaha untuk mencapai tahap yang paling tinggi dalam aktiviti yang diceburi terutama melalui ujian kecekapan amali dan praktikal.

**PERATURAN 4 : KEAHLIAN**

- 4.1 Terbuka kepada pelajar Tahap Dua(Tahun 3 hingga Tahun 6)  
4.2 Permohonan menjadi ahli adalah dengan mengisi borang pilihan mengikuti aktiviti  
4.3 Ahli-ahli mestilah menerima serta bersetuju berpegang kepada perlembagaan dan akan mengambil bahagian dengan aktifnya untuk menjayakan tujuan persatuan ini.

**PERATURAN 5 : GURU PENASIHAT**

- 5.1 Terdiri daripada guru-guru yang bertugas di sekolah ini  
5.2 Hendaklah memberikan nasihat dan merancang\melaksanakan aktiviti yang disasarkan  
5.3 Hendaklah sentiasa bersama dengan ahli-ahli sepanjang aktiviti dijalankan mengikut jadual,tarikh dan masa yang ditetapkan.  
5.4 Menjadi pengiring apabila ahli terlibat dengan aktiviti di luar sekolah sama ada berbentuk penyertaan.jemputan atau pertandingan.

## **PERATURAN 6 : AHLI JAWATANKUASA**

- 6.1 Dilantik semasa mesyuarat agung
- 6.2 Ahli yang hadir layak dicalonkan sebagai ahli jawatankuasa manakala ahli yang tidak hadir tetapi ada menulis surat rasmi sebagai tunjuk sebab layak dicalonkan untuk sebarang jawatan.
- 6.3 Pemilihan ahli jawatankuasa secara undian
- 6.4 Ahli jawatankuasa kecil boleh dilantik oleh guru penasihat tanpa mengadakan mesyuarat
- 6.5 Ahli jawatankuasa yang hendak meletak jawatan hendaklah menghantar surat perletakan jawatan kepada guru penasihat
- 6.6 Ahli Jawatankuasa Persatuan Hendaklah terdiri
  - 6.6.1 Pengerusi
  - 6.6.2 Naib Pengerusi
  - 6.6.3 Setiausaha
  - 6.6.4 Penolong Setiausaha
  - 6.6.5 Bendahari
  - 6.6.6 Penolong Bendahari
  - 6.6.7 AJK[bilangan bergantung keperluan]
  - 6.6.8 Juruaudit [dua orang]

## **PERATURAN 7 : TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA**

### **7.1 Pengerusi**

- 7.1.1 Mempengerusikan setiap mesyuarat
- 7.1.2 Meneliti minit mesyuarat dan memastikan segala keputusan mesyuarat adalah wajar dan mengikut agenda yang ditetapkan
- 7.1.3 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

### **7.2 Naib Pengerusi**

- 7.2.1 Membantu pengerusi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi
- 7.2.2 Mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan pengerusi
- 7.2.3 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

### **7.3 Setiausaha**

- 7.3.1 Mengurus surat-menyurat
- 7.3.2 Mencatat minit mesyuarat/laporan dan menandatangani
- 7.3.3 Menyimpan fail/dokumen berkaitan dengan persatuan
- 7.3.4 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

### **7.4 Penolong Setiausaha**

- 7.4.1 Membantu setiausaha dalam menjalankan segala tugas dan tanggungjawabnya
- 7.4.2 Menjalankan tugas setiausaha semasa ketiadaan setiausaha
- 7.4.3 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

### **7.5 Bendahari**

- 7.5.1 Bertanggungjawab terhadap hal-hal kewangan persatuan

- 7.5.2 Membuat penyata dan menyimpan kira-kira berkenaan kewangan persatuan
- 7.5.3 Menyediakan laporan wang terimaan dan wang perbelanjaan dan dibentangkan semasa mesyuarat agung
- 7.5.4 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

#### **7.6 Penolong Bendahari**

- 7.6.1 Menjalankan tugas bendahari semasa ketiadaan bendahari
- 7.6.2 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

#### **7.7 Ahli Jawatankuasa**

- 7.7.1 Membantu mekalsanakan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh persatuan
- 7.7.2 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

#### **7.8 Pemeriksa kira-kira**

- 7.8.1 Memeriksa, menyemak serta mengesahkan laporan kewangan tahunan persatuan dan bertanggungjawab ke atasnya
- 7.8.2 Memastikan penggunaan kewangan diurus dengan betul
- 7.8.3 Menjalankan tugas yang diarah oleh guru penasihat dari masa kesemasa

### **PERATURAN 8 : KEWANGAN**

- 8.1 Sumber kewangan persatuan adalah melalui derma yang diputuskan semasa mesyuarat agung dan telah diputuskan sebanyak ringgit Malaysia RM0.20 sebulan untuk setiap ahli
- 8.2 Memohon bantuan kewangan daripada pihak sekolah jika perlu
- 8.3 Ahli-ahli yang terpilih mewakili sekolah mengikuti sebarang aktiviti di peringkat daerah akan layak menerima RM 5.00, peringkat Bahagian RM 10.00 Peringkat Negeri RM 30.00 dan Peringkat Kebangsaan RM 50.00 setiap seorang daripada pihak sekolah.
- 8.4 Semua pungutan\penyimpanan boleh dimasukkan ke dalam akaun SUWA sekolah sekiranya mendapat kelulusan Guru Besar.

### **PERATURAN 9 : KEHADIRAN\PNENYERTAAN**

- 9.1 Ahli Persatuan dikehendaki menghadiri setiap aktiviti yang dijalankan oleh persatuan sepanjang tahun
- 9.2 Gagal menghadiri aktiviti sebanyak 3[tiga] kali berturut-turut dikehendaki menulis surat tunjuk sebab. Jika gagal berbuat demikian maka pemotongan markah dalam penilaian boleh dibuat oleh guru penasihat dan dicatat dalam buku rekod penilaian kokurikulum
- 9.3 Guru penasihat dikehendaki menyediakan\memohon kebenaran ibu bapa\penjaga kepada pelajar yang terlibat menyertai sebarang aktiviti, pertandingan, ujian dan seumpama di luar sekolah dengan mengemukakan borang pelepasan ibu bapa.
- 9.4 Semasa ahli menghadiri\menyertai apa juga jenis aktiviti seperti dalam



perancangan tahunan, jemputan, pertandingan di dalam kawasan sekolah atau di luar sekolah [apa juga peringkat pertandingan/kejohanan\kelolaan] jika terdapat kecederaan/kecelakaan maka pihak sekolah dan ibu bapa\penjaga perlu bekerjasama menjaga kebajikan ahli berkenaan.

**PERATURAN 10 : AKTIVITI**

- 10.1 Dijalankan seperti yang dirancang dalam mesyuarat AJK
- 10.2 Aktiviti boleh ditunda atau disesuaikan mengikut keperluan dan keadaan. Guru penasihat akan mengumumkan kepada ahli

**PERATURAN 11 : PERATURAN-PERATURAN**

- 11.1 Peraturan Sekolah adalah menjadi peraturan asas
- 11.2 Peraturan khas yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh ahli sepenuhnya
- 11.3 Ahli yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan tatatertib

**PERATURAN 12 : TINDAKAN DISIPLIN**

- 12.1 Akan di ambil terhadap ahli yang melanggar perlembagaan persatuan\peraturan semasa
- 12.2 Tindakan disiplin adalah mengikut Amaran Lisan dan Amaran Bertulis
- 12.3 Ahli yang tidak berpuashati terhadap tindakan keatasnya, boleh membuat surat rayuan dan semakan salahlaku melalui guru penasihat dan keputusan berikutnya adalah muktamad.

**PERATURAN 13 : PINDAAN PERLEMBAGAAN**

- 11.1 Mana-mana bahagian dalam perlembagaan ini sah sehingga dipinda melalui pekelilingan persatuan\kelab\unit.
- 11.2 Cadangan pindaan perlembagaan boleh dibuat oleh ahli-ahli jawatankuasa, guru penasihat atau pentadbir sekolah. dan disahkan oleh guru besar.

**PERATURAN 14 : PEMBUBARAN PERSATUAN\UNIT\KELAB**

- 14.1 Guru Besar diberi kuasa untuk membubarkan persatuan\unit\kelab jika didapati melanggar perlembagaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- 14.2 Segala hutang wajib dijelaskan. Baki kewangan diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tergempar

**PERATURAN 15 : HAL-HAL LAIN**

- 15.1 Setiap ahli mestilah mengetahui tanggungjawab sendiri dan sentiasa menjaga sahsiah dan nama baik setiap ahli dan persatuan sepanjang masa
- 15.2 Ahli –ahli hendaklah sentiasa peka dan mengikuti setiap aktiviti dengan penuh kesungguhan.

.....	.....	.....		
[	]	[	]	[
]				
Setiausaha		Pengerusi		Guru
Penasihat				
Pergerakan Pengakap		Pergerakan Pengakap		Pergerakan
Pengakap				

Tarikh:

Tarikh:

Tarikh:

Penilaian Pengakap				
LATIHAN				
Borang Ujian Lencana Keris Emas				
Nama penuh :				
Tahun :				
Sekolah :				
1.1 Kesetiaan (Ujian bertulis)				
Keputusan Ujian Bertulis			Markah yang diperolehi	
1.2 Kecekapan & Kemahiran (Bahagian praktikal /amali)				
BIL	BIDANG	MARKAH PENUH	T/TANGAN PENGUJI	MARKAH CALON
1	Teknik melipat bendera	5		
2	Isyarat Sulit	5		
3	Anduh	5		
4	Simpul Bunga Geti	5		
5	Simpul Manok	5		
6	Simpul Sentak	5		
7	Simpul belit @ Lilit Dua Simpul	5		
8	Simpul Tindih Kasih	5		

Khas untuk SK Kolapis dan Perujuk

		40		
1.3 Disiplin , Minat & Dayausaha				
<b>BIL</b>	<b>BIDANG</b>	<b>MARKAH PENUH</b>	<b>T/TANGAN PENGUJI</b>	<b>MARKAH CALON</b>
1	Pakaian Seragam Pengakap	5		
2	Kajian Ikan	5		
3	Kajian Tumbuhan	5		
4	Kajian Binatang/Haiwan	5		
5	Koleksi Hobi	5		
<b>6</b>	Potensi Diri	5		
		30		
Markah Komponen 1.1				
Markah Komponen 1.2				
Markah komponen 1.3				
Jumlah 1.2+1.2+1.3				
<b>BUKU LOG</b>				
Lengkap				
Tidak Lengkap				